Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.08

DARIPADA "SANGKAL" KEPADA "PUTUNG": MAKNA ISTILAH PERUBATAN MELAYU-JAWA DARI PERSPEKTIF LEKSIKOGRAFI DAN SEMANTIK BUDAYA

NURAMMAR SALIHIN NOORDIN
Universiti Kebangsaan Malaysia
P146077@siswa.ukm.edu.my

*MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH**
Universiti Kebangsaan Malaysia
muammar@ukm.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Istilah perubatan tradisional bukan sekadar label bagi penyakit atau kaedah rawatan, tetapi turut menyimpan jejak bahasa, pengalaman tubuh dan memori budaya sesebuah komuniti. Makalah ini menelusuri lapisan makna kata "sangkal" dan "putung" serta menjelaskan bagaimana gabungan Sangkal Putung berfungsi sebagai istilah khusus dalam tradisi perubatan Melayu-Jawa. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen, leksikografi dan semantik budaya dengan membandingkan sumber bahasa Melayu dan Jawa serta literatur berkaitan perubatan tradisional dan migrasi masyarakat Jawa ke Johor. Analisis menunjukkan bahawa "putung" mempunyai hubungan leksikal yang relatif jelas dengan keadaan patah, putus atau ketakterusan, termasuk penggunaan yang berkaitan dengan tulang, manakala "sangkal" memperlihatkan polisemi yang lebih kompleks dan tidak boleh secara langsung disamakan dengan makna "membetulkan" berdasarkan bahasa Melayu standard semasa. Gabungan Sangkal Putung lebih sesuai difahami sebagai unit yang telah mengalami pengkhususan dan leksikalisasi dalam domain etnoperubatan. Perbincangan turut menunjukkan bahawa perpindahan istilah melalui jaringan Melayu-Jawa boleh mengekalkan nama khusus walaupun makna unsur pembentuknya berubah atau menjadi kurang telus kepada generasi kemudian. Kajian ini menegaskan kepentingan membezakan bukti leksikal, tafsiran budaya dan makna khusus amalan agar etimologi rakyat tidak dipersembahkan sebagai fakta sejarah. Pendekatan ini menyumbang kepada dokumentasi warisan linguistik dan pengetahuan perubatan tradisional Melayu-Jawa secara lebih teliti.

Kata kunci: linguistik budaya; Melayu-Jawa; perubatan tradisional; Sangkal Putung; semantik

ISSN 1675-7513

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.08

FROM "SANGKAL" TO "PUTUNG": MEANINGS OF MALAY-JAVANESE MEDICAL TERMS FROM THE PERSPECTIVE OF LEXICOGRAPHY AND CULTURAL SEMANTICS

ABSTRACT

Traditional medical terms are not merely labels for illnesses or treatments; they may also preserve linguistic traces, embodied experience, and the cultural memory of a community. This article traces the semantic layers of the words "sangkal" and "putung" and explains how Sangkal Putung functions as a specialised term within Malay-Javanese traditional medicine. The study adopts a qualitative approach based on document analysis, lexicography, and cultural semantics by comparing Malay and Javanese language sources with literature on traditional medicine and Javanese migration to Johor. The analysis indicates that "putung" has a relatively transparent lexical relationship with breaking, severance, or discontinuity, including uses associated with bones, whereas "sangkal" displays a more complex polysemy and cannot simply be equated with "to correct" on the basis of contemporary standard Malay. Sangkal Putung is therefore better understood as a specialised and lexicalised unit within an ethnomedical domain. The discussion further suggests that the movement of terminology through Malay-Javanese social networks can preserve a specialised name even when the meanings of its individual components change or become less transparent to later generations. The study emphasises the need to distinguish lexical evidence, cultural interpretation, and practice-specific meaning so that folk etymology is not presented as historical fact. This approach contributes to more careful documentation of Malay-Javanese linguistic heritage and traditional medical knowledge.

Keywords: cultural linguistics; Malay-Javanese; Sangkal Putung; semantics; traditional medicine

PENGENALAN

Bahasa perubatan tradisional terbentuk daripada pengalaman masyarakat menamakan tubuh, mengenal perubahan yang berlaku pada tubuh, menjelaskan sebab sesuatu keadaan, dan menentukan tindakan yang dianggap sesuai untuk memulihkan keseimbangan. Oleh sebab itu, istilah perubatan tradisional tidak wajar dibaca semata-mata sebagai padanan kepada istilah bioperubatan moden. Sebahagiannya lahir daripada kerangka pengetahuan yang berbeza, sebahagiannya pula bergerak bersama migrasi dan pertemuan budaya. Dalam tradisi Melayu, naskhah perubatan lama memperlihatkan penggunaan nama penyakit, ramuan, kaedah, pantang larang dan pelbagai jargon yang menunjukkan kewujudan sistem pengelasan tersendiri (Mat Piah, 2015). Haliza Mohd Riji (2000) turut menegaskan bahawa perubatan Melayu perlu difahami melalui prinsip dan amalan yang berakar pada pengalaman masyarakat, bukan hanya melalui pengukuran klinikal. Dengan itu, penelitian terhadap satu istilah dapat membuka ruang untuk memahami sejarah makna, perubahan bahasa dan cara sesuatu komuniti menstruktur pengetahuan tentang tubuh.

Sangkal Putung ialah antara istilah yang masih dikenali dalam wacana rawatan tradisional patah tulang di Indonesia, khususnya di Pulau Jawa. Literatur kontemporari

menggunakan istilah tersebut untuk merujuk kepada rawatan tradisional bagi kecederaan tulang dan sendi, serta membincangkan faktor kepercayaan, pilihan pesakit dan hubungan amalan tradisional dengan perkhidmatan kesihatan moden (Hidayat & Adam, 2024). Namun, tumpuan kajian terhadap Sangkal Putung lazimnya diberikan kepada amalan, kaedah rawatan, keberkesanan yang dipersepsikan, faktor pemilihan rawatan atau isu keselamatan. Dari sudut Pengajian Melayu dan kajian budaya, terdapat satu persoalan yang lebih asas tetapi kurang diberikan perhatian, iaitu apakah sebenarnya lapisan makna kata "sangkal" dan "putung", dan bagaimana gabungan kedua-dua kata itu memperoleh makna khusus sebagai nama tradisi pengubatan.

Persoalan tersebut penting kerana pembacaan berdasarkan bahasa Melayu standard masa kini boleh menghasilkan kesimpulan yang terlalu mudah. Dalam penggunaan Melayu kontemporari, "sangkal" lazimnya dikaitkan dengan perbuatan membantah, menafikan atau menolak sesuatu kenyataan (Dewan Bahasa dan Pustaka, t.th.). Makna tersebut tidak serta-merta menjelaskan kaitannya dengan tubuh atau rawatan patah tulang. Sebaliknya, unsur "putung" mempunyai hubungan semantik yang lebih jelas dengan keadaan patah atau terputus dalam bahasa Jawa, termasuk penggunaan yang berkaitan dengan tulang (Poerwadarminta, 1939; Horne, 1974). Ketidakseragaman antara makna kamus moden dan penggunaan etnoperubatan menunjukkan bahawa istilah Sangkal Putung perlu diteliti secara diakronik dan budaya. Makna khusus sesuatu istilah boleh bertahan walaupun komponen katanya berubah makna, menjadi kurang produktif, atau tidak lagi difahami secara literal oleh penutur generasi kemudian.

Konteks Melayu-Jawa di Johor menjadikan persoalan ini lebih menarik. Penghijrahan masyarakat Jawa ke Johor telah menghasilkan ruang pertemuan bahasa dan budaya yang panjang. Kajian Jandra et al. (2016) menunjukkan proses penyesuaian identiti Jawa dengan budaya Melayu di Johor, manakala Jalaluddin et al. (2020) mengesahkan bahawa bahasa Jawa masih menjadi salah satu bahasa migran yang nyata dalam landskap dialek negeri tersebut. Hendrokumoro (2023) pula memperlihatkan bahawa diaspora Jawa di Malaysia terus mengurus hubungan antara budaya asal dan persekitaran bahasa baharu. Dalam keadaan ini, kosa kata khusus yang berkaitan dengan amalan, makanan, seni atau pengubatan boleh bertahan lebih lama daripada unsur bahasa harian kerana istilah tersebut terikat dengan pengetahuan dan identiti suatu domain.

Makalah ini tidak bertujuan menentukan satu etimologi tunggal Sangkal Putung atau mengesahkan keberkesanan klinikal rawatannya. Tujuannya ialah menelusuri makna istilah melalui bukti leksikografi dan konteks budaya, seterusnya menjelaskan bagaimana satu gabungan kata boleh menjadi nama khusus bagi suatu tradisi. Tiga persoalan dibincangkan: pertama, apakah makna yang direkodkan bagi "sangkal" dan "putung" dalam sumber Melayu dan Jawa yang relevan; kedua, bagaimana hubungan antara makna komponen tersebut dengan penggunaan Sangkal Putung sebagai istilah perubatan; dan ketiga, apakah implikasi kelangsungan istilah itu terhadap dokumentasi warisan linguistik Melayu-Jawa. Dengan fokus tersebut, makalah ini meletakkan Sangkal Putung sebagai objek kajian bahasa dan budaya, bukan sebagai objek penilaian perubatan.

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.08

SOROTAN LITERATUR

Perubatan Tradisional sebagai Sistem Pengetahuan dan Bahasa

Perubatan tradisional sering dihuraikan melalui bahan yang digunakan, teknik rawatan atau kepercayaan yang mengiringinya. Namun, sistem perubatan juga mempunyai dimensi bahasa. Penamaan anggota badan, keadaan sakit, jenis gangguan, ubat, tindakan penyembuhan dan larangan membentuk satu leksikon yang membolehkan pengetahuan dipindahkan antara pengamal, pesakit dan anggota keluarga. Dalam naskhah Melayu, istilah berkaitan sakit dan rawatan berfungsi sebagai alat pengelasan yang merapatkan pemerhatian empirikal dengan kerangka kosmologi masyarakat. Mat Piah (2015) menunjukkan bahawa Kitab Tib mengandungi nama dan bentuk penyakit, kaedah rawatan, ubat, proses penyediaan, bahan, penggunaan dan pantang larang. Senarai tersebut mengingatkan bahawa bahasa bukan lapisan tambahan kepada perubatan tradisional, sebaliknya sebahagian daripada infrastrukturnya: sesuatu amalan sukar diwariskan jika masyarakat tidak mempunyai cara untuk menamakannya.

Prinsip yang sama boleh digunakan untuk membaca istilah Sangkal Putung. Nama ini berfungsi sebagai penanda kategori. Apabila seseorang menyebut Sangkal Putung, yang dirujuk bukan semata-mata dua kata yang berdiri sendiri, tetapi satu rangkaian makna sosial tentang pengamal, rawatan, kecederaan, kemahiran tangan dan pengalaman komuniti. Dalam hal ini, makna leksikal dan makna budaya perlu dibezakan. Makna leksikal merujuk kepada erti kata yang direkodkan dalam kamus atau dapat dikenal pasti melalui penggunaan bahasa, manakala makna budaya merujuk kepada makna yang terbina daripada pengetahuan bersama dan konseptualisasi masyarakat terhadap sesuatu pengalaman (Palmer, 1996; Sharifian, 2017). Perbezaan ini penting supaya penelitian tidak memaksa setiap unsur kata untuk mempunyai padanan tepat dengan setiap langkah rawatan.

Dalam antropologi linguistik, bahasa difahami sebagai amalan sosial yang membentuk dan dibentuk oleh kehidupan budaya. Duranti (1997) menekankan bahawa bahasa perlu diperhatikan dalam konteks tindakan dan komuniti yang menggunakannya. Palmer (1996) pula menghubungkan bahasa dengan imejan budaya dan cara masyarakat membina dunia konseptual. Pendekatan linguistik budaya yang dikembangkan lebih lanjut oleh Sharifian (2017) memberi perhatian kepada konseptualisasi budaya yang dikongsi, termasuk kategori, skema dan metafora yang tercermin dalam bahasa. Berdasarkan kerangka ini, Sangkal Putung boleh dibaca sebagai satu unit yang memuatkan konseptualisasi tertentu tentang kecederaan dan pemulihan, walaupun unsur katanya tidak lagi transparen kepada semua penutur.

Kepentingan pendekatan tersebut semakin jelas apabila istilah bergerak merentasi tempat. Dalam proses migrasi, tidak semua unsur bahasa mempunyai kadar kelangsungan yang sama. Kata yang digunakan untuk kegiatan harian mungkin cepat menyesuaikan diri dengan bahasa majoriti, sementara istilah yang terikat kepada ritual, masakan, seni atau kemahiran khusus boleh bertahan sebagai tanda domain. Oleh itu, kosa kata perubatan tradisional berpotensi menjadi sejenis arkib kecil yang menyimpan jejak hubungan antara bahasa, tubuh dan sejarah komuniti. Penelitian terhadap Sangkal Putung dalam konteks Melayu-Jawa bukan sekadar bertanya “apakah ertinya”, tetapi juga “mengapa istilah ini

terus membawa fungsi pengenalan walaupun sebahagian komponennya tidak lagi difahami dengan cara yang sama".

Penelitian turut memperlihatkan bahawa ilmu perubatan tradisional boleh dibaca sebagai sebahagian daripada kearifan tempatan dan khazanah budaya yang perlu didokumentasikan. Anak Jelani dan Salmah Jan Noor Muhammad (2021), misalnya, meneliti penggunaan buah-buahan dalam ilmu perubatan Melayu sebagai pengetahuan yang berkait dengan budaya, alam dan amalan pengubatan. Abdullah dan Yunos (2024) pula menunjukkan melalui sorotan literatur bersistematik bahawa pengetahuan perubatan tradisional dalam komuniti peribumi masih berkait rapat dengan pewarisan keluarga, penggunaan sumber alam dan keperluan dokumentasi. Kedua-dua kajian tersebut mengukuhkan kepentingan meneliti bukan sahaja bahan atau teknik rawatan, tetapi juga bahasa yang menamakan, mengelaskan dan memindahkan pengetahuan perubatan daripada satu generasi kepada generasi berikutnya.

Istilah Linguistik yang Digunakan

Dalam makalah ini, beberapa istilah linguistik digunakan dalam pengertian khusus. Leksikografi merujuk bidang yang meneliti dan mendokumentasikan kata serta makna dalam kamus dan sumber leksikal; justeru, data kamus digunakan sebagai bukti bagi menelusuri bentuk dan medan makna "sangkal" dan "putung". Semantik pula merujuk kajian tentang makna bahasa, manakala semantik budaya memberi perhatian kepada hubungan antara makna, konseptualisasi dan pengalaman budaya masyarakat (Palmer, 1996; Sharifian, 2017).

Polisemi digunakan untuk merujuk keadaan apabila satu bentuk bahasa mempunyai lebih daripada satu makna yang berkaitan atau digunakan dalam medan yang berbeza. Leksikalisasi pula merujuk proses apabila sesuatu gabungan kata menjadi unit yang mantap dan dikenali dengan rujukan khusus dalam komuniti. Dalam konteks makalah ini, kedua-dua istilah membantu menjelaskan mengapa makna keseluruhan Sangkal Putung tidak semestinya dapat diramalkan secara langsung daripada makna setiap komponennya.

Istilah etimologi rakyat digunakan secara berhati-hati bagi merujuk penjelasan asal-usul sesuatu kata yang terbina daripada tafsiran penutur atau komuniti dan tidak semestinya disahkan oleh bukti sejarah bahasa. Istilah ketaktertelusan semantik pula digunakan apabila hubungan antara bentuk kata dengan makna khususnya tidak lagi mudah dikenal pasti oleh penutur berdasarkan makna unsur pembentuk. Penggunaan istilah-istilah ini membolehkan perbincangan membezakan antara bukti kamus, tafsiran budaya dan makna khusus amalan.

Masyarakat Jawa di Johor dan Kelangsungan Kosa Kata Budaya

Johor mempunyai sejarah migrasi yang menjadikannya ruang pertemuan pelbagai komuniti Nusantara. Jandra et al. (2016) menghuraikan kehadiran masyarakat Jawa sebagai salah satu kelompok yang besar di Johor dan menekankan sifat penyesuaian mereka dalam proses integrasi dengan masyarakat Melayu tempatan. Penyesuaian tidak bermaksud penghapusan identiti asal secara total. Sebaliknya, unsur tertentu terus dikekalkan, dipilih atau ditafsir semula mengikut keperluan sosial. Sunarti dan Fadeli (2021) menunjukkan bahawa warisan Jawa di Malaysia diteruskan melalui pelbagai bentuk budaya termasuk

kesenian, makanan dan pengetahuan berkaitan tumbuhan perubatan. Hal ini menunjukkan bahawa migrasi bukan hanya memindahkan manusia, tetapi turut memindahkan himpunan istilah dan kategori budaya.

Dari sudut bahasa, Jalaluddin et al. (2020) mendapati kewujudan bahasa Jawa, Bugis, Banjar dan Minang sebagai sebahagian daripada landskap bahasa Johor yang terbentuk akibat migrasi antara wilayah. Dapatan tersebut penting kerana ia membuktikan bahawa bahasa Jawa tidak boleh dianggap sebagai unsur asing yang terpisah daripada sejarah bahasa Johor. Dalam sesetengah kawasan dan keluarga, penggunaan bahasa Jawa mungkin berubah mengikut generasi, tetapi jejak leksikal boleh terus hadir dalam nama makanan, alat, adat dan amalan tertentu. Hendrokumoro (2023) turut menegaskan hubungan antara budaya dan bahasa dalam pengalaman diaspora Jawa di Malaysia; proses akulturasi mengubah bentuk penggunaan tanpa semestinya memadam semua penanda asal. Dalam kerangka ini, istilah Sangkal Putung dapat dianggap sebagai salah satu kemungkinan bentuk kosa kata domain yang bergerak bersama jaringan pengetahuan. Istilah sedemikian tidak semestinya digunakan secara meluas oleh keseluruhan komuniti Jawa. Kelangsungannya boleh bergantung pada keluarga pengamal, lingkungan pesakit, jaringan saudara atau kelompok setempat yang mempunyai pengalaman dengan rawatan tradisional. Oleh itu, status sesuatu istilah sebagai warisan tidak ditentukan oleh kekerapan dalam perbualan harian sahaja. Nilainya juga terletak pada keupayaannya menandai satu bidang pengetahuan yang memiliki sejarah penggunaan dan memori sosial.

Perlu ditegaskan bahawa makalah ini tidak menganggap semua amalan yang dinamakan Sangkal Putung di Jawa dan Johor bersifat seragam. Tradisi perubatan sentiasa mengalami variasi setempat. Bahan, teknik, tatacara dan penjelasan pengamal boleh berbeza menurut salasilah ilmu dan persekitaran sosial. Justeru, istilah yang sama tidak harus dibaca sebagai bukti bahawa keseluruhan sistem rawatan adalah identik. Sebaliknya, persamaan istilah menawarkan jejak yang boleh diteliti untuk memahami hubungan sejarah dan semantik. Pendekatan ini lebih berhati-hati kerana ia tidak menjadikan keserupaan nama sebagai bukti langsung pemindahan satu pakej budaya yang tidak berubah.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berasaskan analisis dokumen, leksikografi, semantik budaya dan temu bual separa berstruktur. Data utama terdiri daripada sumber leksikografi Melayu dan Jawa yang merekodkan bentuk “sangkal” dan “putung”, manakala data konteks diperoleh daripada kajian perubatan tradisional dan penyelidikan mengenai masyarakat Jawa di Johor dan Malaysia. Sumber leksikografi yang dirujuk termasuk Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) bagi penggunaan bahasa Melayu semasa, Bausastra Jawa oleh Poerwadarminta (1939) sebagai rujukan bahasa Jawa awal abad ke-20, serta Javanese-English Dictionary oleh Horne (1974) sebagai kamus moden yang dibina berdasarkan sumber terdahulu dan penggunaan Jawa. Literatur perubatan kontemporari, khususnya Hidayat dan Adam (2024), digunakan sebagai data konteks untuk mengenal pasti fungsi Sangkal Putung sebagai istilah rawatan tradisional; sumber ini tidak digunakan sebagai bukti etimologi. Selain itu, temu bual separa berstruktur dengan tiga informan yang berkaitan dengan amalan Sangkal Putung di Sri Medan, Batu Pahat, digunakan untuk mengenal pasti tafsiran komuniti terhadap istilah tersebut. Temu bual dijalankan dalam

tempoh kajian lapangan pada tahun 2025 dan digunakan secara terhad bagi menjelaskan makna komuniti, bukan untuk mengesahkan asal-usul etimologi.

Analisis dilakukan dalam empat peringkat. Pertama, bentuk dasar dan bentuk terbitan bagi setiap kata dikenal pasti untuk melihat medan makna yang direkodkan oleh kamus. Kedua, makna yang mempunyai hubungan dengan objek fizikal, keadaan putus, perbuatan menolak, bentuk ruang atau tindakan lain dibandingkan untuk mengesan polisemi dan perubahan fungsi. Ketiga, penggunaan Sangkal Putung dalam literatur perubatan kontemporari dan data temu bual dibandingkan dengan makna komponen kata untuk membezakan makna leksikal daripada makna komuniti. Keempat, dapatan ditafsirkan dalam konteks bahasa dan budaya diaspora Jawa bagi menerangkan kemungkinan kelangsungan istilah sebagai kosa kata domain. Analisis ini tidak menyamakan persamaan bentuk dengan kesinambungan etimologi tanpa bukti; sebaliknya, setiap hubungan dinyatakan mengikut tahap kepastiannya.

Pendekatan ini mempunyai batasan yang perlu dinyatakan. Kamus merakam pilihan penggunaan pada masa tertentu dan tidak dapat mewakili seluruh variasi dialek Jawa atau semua tafsiran pengamal. Sumber digital juga memaparkan ejaan lama yang memerlukan pembacaan berhati-hati. Selain itu, literatur moden tentang Sangkal Putung tidak semestinya menyediakan sejarah istilah secara filologi. Data temu bual pula bersifat terhad kepada informan yang ditemu bual dan tidak boleh dianggap mewakili keseluruhan komuniti Melayu-Jawa. Oleh itu, hasil kajian harus dibaca sebagai penelusuran makna berdasarkan bukti dokumentari dan makna komuniti yang tersedia, bukan keputusan muktamad tentang asal-usul kata. Untuk mengesahkan sejarah penggunaan secara lebih tepat, kajian lanjutan memerlukan korpus teks Jawa dan Melayu yang lebih luas, bahan manuskrip, rakaman pertuturan serta sejarah lisan pengamal dan keluarga yang mewarisi istilah tersebut.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

"Sangkal" dalam Bahasa Melayu Semasa: Makna yang Tidak Telus kepada Domain Perubatan

Berdasarkan Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dalam bahasa Melayu standard masa kini, kata "sangkal" lazimnya hadir dalam jaringan makna yang berkaitan dengan bantahan atau penafian. Bentuk kerja "menyangkal" digunakan untuk menyatakan perbuatan tidak mengakui, membantah atau menolak sesuatu dakwaan (Dewan Bahasa dan Pustaka, t.th.). Medan makna ini mudah dikenali oleh penutur Melayu kontemporari, tetapi tidak mempunyai hubungan langsung yang jelas dengan tulang patah atau tindakan merawat. Jika Sangkal Putung ditafsirkan semata-mata berdasarkan makna Melayu semasa, pembaca mungkin cuba menghasilkan terjemahan literal seperti "menolak putus" atau "menafikan patah". Terjemahan sedemikian tidak mempunyai asas yang mencukupi untuk dijadikan etimologi perubatan.

Keadaan ini menunjukkan konsep ketaktertelusan semantik. Sesuatu kata majmuk boleh menjadi konvensional sehingga penutur mengenali rujukannya sebagai satu unit tanpa lagi menganalisis setiap unsur berdasarkan makna biasa. Istilah khusus juga boleh berkembang melalui pengkhususan, perubahan makna dan peluasan penggunaan dalam

sesuatu komuniti (Palmer, 1996; Sharifian, 2017). Apabila perubahan tersebut berlaku dalam komuniti yang mempunyai sejarah migrasi, hubungan antara bentuk dan makna menjadi lebih kompleks. Oleh sebab itu, makna Melayu semasa bagi "sangkal" penting sebagai titik perbandingan, tetapi tidak boleh dijadikan satu-satunya bukti untuk menerangkan Sangkal Putung.

Kewaspadaan ini juga penting dari segi penulisan akademik. Dalam dokumentasi warisan, cerita asal-usul sesuatu istilah kadangkala dibina berdasarkan tafsiran masyarakat supaya mudah difahami. Tafsiran tersebut mungkin hidup dalam penjelasan pengamal atau komuniti dan, sebagai tafsiran emik, tetap bernilai. Namun, tafsiran emik perlu dibezakan daripada bukti leksikografi sejarah. Berdasarkan temu bual dengan pengamal Sangkal Putung di Sri Medan, Batu Pahat pada tahun 2025, terdapat tafsiran tempatan yang mengaitkan "sangkal" dengan tindakan membetulkan atau mengembalikan kedudukan. Tafsiran tersebut digunakan dalam makalah ini sebagai makna komuniti, bukan sebagai bukti etimologi sejarah (Temu bual dengan pengamal Sangkal Putung, Sri Medan, Batu Pahat, 2025). Pemisahan ini mengelakkan penyelidik daripada menukar etimologi rakyat menjadi fakta bahasa.

"Sangkal" dalam Sumber Jawa Lama: Polisemi dan Jejak Makna Fizikal

Bausastra Jawa karya Poerwadarminta (1939) memperlihatkan bahawa bentuk "sangkal" dalam bahasa Jawa mempunyai sejarah penggunaan yang lebih pelbagai. Antara makna yang direkodkan berkaitan dengan bahagian atau pemegang alat, sementara bentuk tertentu yang seakar juga muncul dalam penggunaan yang berhubung dengan pertikaian atau bantahan. Kepelbagaian tersebut menunjukkan polisemi: satu bentuk bunyi atau tulisan boleh mempunyai lebih daripada satu makna yang tidak semestinya berasal daripada satu jalur perkembangan yang mudah. Bagi kajian Sangkal Putung, fakta ini penting kerana ia membuktikan bahawa "sangkal" bukan kata yang boleh dipetakan secara automatik kepada satu makna tunggal.

Lebih penting, Poerwadarminta (1939) turut merekodkan ungkapan "nyangkal putung" dengan keterangan awangun menggok mawa pojok, yang menunjukkan suatu bentuk yang bengkok atau berlekuk dan mempunyai sudut. Namun demikian, ungkapan tersebut tidak direkodkan sebagai istilah perubatan atau rawatan patah tulang. Oleh itu, kewujudan ungkapan "nyangkal putung" tidak memadai untuk membuktikan bahawa nama rawatan Sangkal Putung berasal secara langsung daripada ungkapan tersebut. Sebaliknya, catatan tersebut hanya menunjukkan bahawa gabungan bentuk nyangkal dan putung telah wujud dalam penggunaan bahasa Jawa dalam konteks penggambaran bentuk fizikal (Poerwadarminta, 1939). Dengan demikian, bukti leksikografi lama dapat digunakan untuk menunjukkan keluasan medan penggunaan unsur tersebut, tetapi belum mencukupi untuk menentukan hubungan etimologi dengan istilah perubatan Sangkal Putung.

Dari sudut semantik budaya, kepelbagaian penggunaan tersebut menunjukkan bahawa sesuatu bentuk bahasa boleh membawa lebih daripada satu lapisan makna bergantung pada konteks penggunaannya. Dalam hal ini, makna sesuatu istilah tidak semestinya dapat ditentukan hanya berdasarkan makna leksikal setiap komponennya. Apabila sesuatu gabungan kata digunakan secara berulang dalam domain tertentu, gabungan tersebut berpotensi memperoleh rujukan yang lebih khusus dan dikenali oleh

komuniti pengguna. Dalam konteks Sangkal Putung, keadaan ini membantu menjelaskan mengapa makna khusus istilah tersebut sebagai nama suatu amalan perubatan tidak semestinya dapat ditelusuri secara langsung daripada makna setiap unsur pembentuknya.

Namun demikian, tafsiran tentang proses pengkhususan tersebut perlu dibezakan daripada dakwaan mengenai asal-usul etimologi istilah.

Keterangan tersebut juga mengingatkan bahawa hubungan Melayu-Jawa tidak harus difahami melalui andaian bahawa satu bahasa hanya meminjam secara sehala daripada bahasa yang lain. Kedua-duanya berada dalam ruang Nusantara yang mempunyai sejarah interaksi panjang, namun setiap bahasa berkembang dengan sistem dan pengalaman sosial tersendiri. Dalam konteks Johor, istilah Jawa boleh berintegrasi ke dalam pertuturan Melayu setempat, mengalami penyesuaian sebutan atau ejaan, dan seterusnya ditafsir melalui logik bahasa Melayu. Proses penyesuaian itu sendiri merupakan sebahagian daripada sejarah budaya istilah.

"Putung": Medan Makna Patah, Putus dan Ketakterusan

Berbanding "sangkal", unsur "putung" menunjukkan hubungan semantik yang lebih konsisten dengan keadaan patah atau terputus. Poerwadarminta (1939) merekodkan "putung" dalam medan makna sesuatu yang patah atau putus, terutama pada objek yang mempunyai bentuk memanjang. Horne (1974) juga memberi makna "broken" atau "to break", termasuk contoh yang berkaitan dengan tulang. Bukti ini menjadikan "putung" komponen yang paling transparen apabila Sangkal Putung dikaitkan dengan rawatan kecederaan tulang. Dalam kerangka semantik, "putung" menandai hilangnya kesinambungan atau kesatuan pada sesuatu struktur.

Kaitan "putung" dengan tulang penting bukan kerana ia membuktikan keseluruhan etimologi istilah, tetapi kerana ia memperlihatkan kesepadanan antara makna leksikal dan domain perubatan. Apabila komuniti menggunakan Sangkal Putung untuk menamakan rawatan patah tulang, unsur "putung" memberikan jangkar makna yang mudah dikenali dalam bahasa Jawa. Di sinilah perbezaan antara dua komponen menjadi jelas: "putung" masih mempunyai hubungan denotatif yang kuat dengan keadaan fizikal, sementara "sangkal" lebih sukar ditentukan kerana variasi sejarah dan kemungkinan pengkhususan makna.

Konsep ketidaksinambungan mempunyai nilai analitis dalam memahami bahasa tubuh. Patah bukan hanya kategori anatomi; dalam bahasa harian dan sistem perubatan budaya, keadaan sakit boleh dihuraikan melalui kategori yang dekat dengan pengalaman tubuh, sentuhan dan pemerhatian (Helman, 2007; Kleinman, 1980). Sesuatu yang sebelumnya satu menjadi tidak bersambung, tidak stabil atau tidak berfungsi seperti biasa. Dalam konteks ini, medan makna "putung" boleh dibaca sebagai penanda ketidaksinambungan, iaitu keadaan kehilangan kesinambungan pada sesuatu struktur. Walaupun makalah ini tidak mendakwa bahawa pasangan konsep seperti tersusun–beralih, seimbang–tidak seimbang atau bersambung–terputus merupakan kategori formal Sangkal Putung, medan makna tersebut membantu menjelaskan kesesuaian istilah itu secara budaya untuk domain kecederaan tulang.

Pada masa yang sama, hubungan makna ini tidak harus diterjemahkan secara terlalu literal ke dalam istilah klinikal. "Putung" sebagai kata budaya tidak semestinya sepadan

dengan klasifikasi fraktur tertentu dalam ortopedik. Ia boleh berfungsi lebih luas dalam percakapan masyarakat untuk menggambarkan keadaan yang dianggap patah, retak, terseliuh atau kehilangan susunan biasa. Perbezaan antara kategori masyarakat dengan kategori klinikal perlu dikekalkan, khususnya apabila istilah tradisional digunakan dalam komunikasi kesihatan. Istilah yang digunakan oleh komuniti tidak semestinya mempunyai kesepadanan diagnostik satu dengan satu dalam sistem bioperubatan. Oleh itu, dokumentasi istilah tradisional perlu menjelaskan rujukan dan penggunaannya dalam komuniti tanpa menyamakan istilah tersebut dengan diagnosis klinikal yang belum diuji (Helman, 2007; Kleinman, 1980).

JADUAL 1. Lapisan Makna dan Relevansi Leksikal Istilah Sangkal Putung

Unit	**Sumber**	**Makna/medan makna utama**	**Relevansi terhadap istilah perubatan**
sangkal	PRPM, DBP	*bantah, nafikan, tolak*; bentuk *menyangkal* menunjukkan makna penolakan atau bantahan	Tidak menunjukkan hubungan leksikal langsung dengan rawatan patah tulang
sangkal / nyangkal	Poerwadarminta (1939)	Mempunyai beberapa penggunaan dalam bahasa Jawa; bentuk *nyangkal putung* direkodkan dalam konteks penggambaran bentuk fizikal	Menunjukkan keluasan penggunaan unsur *sangkal/nyangkal* dalam bahasa Jawa dan kemungkinan polisemi
putung	Poerwadarminta (1939); Horne (1974)	Berkaitan dengan makna patah, putus atau terputus; Horne memberikan contoh yang berkaitan dengan tulang	**Petunjuk semantik paling jelas** bagi hubungan unsur *putung* dengan keadaan patah tulang
Sangkal Putung	Notosiswoyo et al. (2001); Umar et al. (2020); Hidayat & Adam (2024)	Nama amalan rawatan tradisional yang berkaitan dengan patah tulang/kecederaan anggota	Menunjukkan bahawa gabungan tersebut telah berfungsi sebagai **unit leksikal khusus** dalam domain perubatan tradisional

Sangkal Putung sebagai Istilah yang Terleksikalisasi

Perbandingan leksikal menunjukkan bahawa Sangkal Putung lebih sesuai dibaca sebagai satu unit yang telah mengalami pengkhususan makna daripada sebagai frasa biasa yang sentiasa dapat dihuraikan secara literal. Leksikalisasi berlaku apabila gabungan kata menjadi unit yang dikenali oleh komuniti dengan makna tersendiri. Setelah proses ini berlaku, pengguna tidak perlu mengetahui sejarah setiap unsur untuk memahami rujukannya. Dalam konteks perubatan tradisional, nama pengamal atau rawatan boleh diwariskan bersama amalan, dan makna khususnya dipelajari melalui pengalaman sosial: seseorang mengetahui "Sangkal Putung" kerana keluarga, jiran atau pengamal menggunakan nama itu untuk merujuk kepada rawatan tertentu.

Literatur kontemporari di Indonesia mengukuhkan fungsi tersebut. Hidayat dan Adam (2024) menggunakan Sangkal Putung sebagai nama kategori rawatan tradisional yang masih dipercayai dan dilakukan di Pulau Jawa. Dalam penggunaan seperti ini, istilah tersebut sudah berfungsi sebagai label etnoperubatan. Penggunaannya tidak memerlukan penulis menghuraikan "sangkal" dan "putung" setiap kali disebut. Fungsi penamaan ini sama penting dengan makna kamus kerana ia menunjukkan bahawa komuniti telah memberi kestabilan rujukan kepada satu gabungan kata.

Leksikalisasi juga membantu menjelaskan variasi bentuk istilah. Dalam literatur Indonesia yang dirujuk, Sangkal Putung digunakan sebagai nama khusus bagi rawatan tradisional berkaitan kecederaan tulang dan sendi (Hidayat & Adam, 2024). Variasi bentuk penulisan sesuatu istilah boleh berlaku akibat konvensi ejaan atau pilihan penerbitan, tetapi perkara tersebut perlu disokong oleh sumber yang dapat dikenal pasti. Bagi dokumentasi di Malaysia, bentuk "Sangkal Putung" dikekalkan apabila merujuk nama tradisi yang digunakan dalam kajian ini. Pendekatan tersebut membolehkan istilah dikekalkan secara konsisten, di samping mengelakkan dakwaan tentang variasi ejaan yang tidak disokong oleh sumber.

Konsep pengkhususan turut menerangkan bagaimana tafsiran baharu boleh muncul. Apabila penutur tidak lagi mengetahui makna sejarah "sangkal", mereka mungkin menafsirnya melalui fungsi rawatan: membetulkan, menyangga, meluruskan atau mengembalikan sesuatu yang berubah kedudukan. Tafsiran sebegini boleh menjadi etimologi rakyat yang bermakna kepada komuniti. Ia tidak perlu ditolak, tetapi statusnya harus dijelaskan. Bagi ahli budaya, tafsiran masyarakat penting kerana menunjukkan bagaimana generasi semasa memahami warisan; bagi ahli sejarah bahasa, tafsiran itu belum cukup untuk menggantikan bukti kamus atau korpus. Memisahkan dua tahap ini menghasilkan dokumentasi yang lebih telus.

Daripada Jawa ke Johor: Perpindahan Istilah dan Penyesuaian Makna

Pergerakan masyarakat Jawa ke Johor menyediakan konteks sosial bagi perpindahan kosa kata khusus. Migrasi bukan proses memindahkan bahasa dalam bentuk yang beku. Penutur memasuki persekitaran baharu, menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan yang lebih luas, berkahwin, membina jaringan ekonomi dan menyesuaikan identiti. Jandra et al. (2016) menekankan toleransi dan keupayaan menyesuaikan diri sebagai faktor penting dalam penerimaan masyarakat Jawa di Johor. Proses tersebut berpotensi menghasilkan peralihan bahasa pada peringkat tertentu, tetapi pada masa yang sama mengekalkan unsur yang dianggap penting atau berguna.

Kosa kata berkaitan pengubatan mempunyai sifat yang memungkinkan kelangsungan selektif. Istilah rawatan biasanya digunakan dalam situasi khusus dan diwariskan melalui hubungan kepercayaan. Seorang anggota keluarga mungkin tidak fasih bertutur Jawa dalam semua konteks, tetapi masih mengenali nama ramuan, teknik urut atau istilah yang digunakan oleh orang tua. Dalam keadaan ini, istilah menjadi "poket memori" yang menghubungkan generasi semasa dengan pengalaman keluarga. Sunarti dan Fadeli (2021) menunjukkan bahawa unsur warisan Jawa di Malaysia, termasuk pengetahuan mengenai tumbuhan perubatan, merupakan sebahagian daripada proses pemeliharaan

identiti. Hal ini menyokong andaian bahawa domain pengubatan boleh menjadi salah satu ruang tempat bahasa warisan bertahan secara selektif.

Dari perspektif linguistik budaya, kelangsungan Sangkal Putung di Johor tidak semestinya memerlukan kesamaan sebutan, makna atau kaedah dengan setiap lokasi di Jawa. Konseptualisasi budaya boleh berubah mengikut pengalaman dan konteks sosial masyarakat (Sharifian, 2017). Istilah yang berpindah boleh memperoleh nuansa tempatan apabila digunakan dalam persekitaran bahasa dan budaya yang baharu. Dalam hal ini, identiti Melayu-Jawa menjadi penting: istilah Jawa tidak lagi berada dalam ruang bahasa Jawa sahaja, tetapi berfungsi dalam komuniti yang juga berbahasa dan beridentiti Melayu. Hasilnya ialah bentuk warisan hibrid yang tidak wajar dipaksa masuk ke dalam kategori "Jawa tulen" atau "Melayu tulen".

Situasi ini selaras dengan gambaran landskap bahasa Johor oleh Jalaluddin et al. (2020), yang menunjukkan bahawa migrasi telah menghasilkan kepelbagaian dialek dan bahasa yang bertindih. Apabila bahasa bertemu, kata tertentu boleh dipinjam, dikekalkan atau ditukar makna. Oleh itu, Sangkal Putung boleh dilihat sebagai data kecil yang menghubungkan sejarah migrasi dengan sejarah pengetahuan. Menelusuri penggunaan istilah dalam keluarga dan kampung tertentu berpotensi memberi maklumat tentang laluan pergerakan manusia, jaringan perkahwinan, guru-pelatih dan perubahan autoriti pengamal. Kajian bahasa dengan demikian boleh menyokong penelitian sejarah sosial.

Namun demikian, penggunaan sesuatu istilah tidak wajar dijadikan bukti tunggal bagi menentukan asal-usul etnik atau keturunan sesuatu komuniti. Penggunaan kata daripada bahasa tertentu boleh berlaku melalui interaksi sosial, perkahwinan, migrasi, perdagangan dan hubungan perawatan, tanpa semestinya menunjukkan identiti etnik penutur secara langsung. Dalam konteks istilah perubatan tradisional, penyebaran sesuatu istilah juga boleh berlaku apabila sesuatu amalan rawatan diterima dan digunakan oleh komuniti di luar kelompok asalnya. Oleh itu, penentuan asal-usul sesuatu istilah memerlukan penelitian terhadap gabungan bukti linguistik, sejarah keluarga, lokasi, salasilah pengamal dan sumber arkib. Dalam artikel ini, konteks Johor digunakan untuk menjelaskan kemungkinan ruang sosial dan sejarah bagi kelangsungan penggunaan istilah Sangkal Putung, dan bukan untuk mendakwa bahawa semua penggunaan istilah tersebut di Johor berasal daripada satu jalur migrasi yang sama.

Bahasa Tubuh: Patah, Susunan dan Pemulihan sebagai Konseptualisasi Budaya

Istilah perubatan juga dapat memperlihatkan cara sesuatu masyarakat memahami dan menggambarkan tubuh. Dalam sistem bioperubatan, kecederaan tulang lazimnya dihuraikan berdasarkan anatomi, lokasi dan jenis fraktur, kedudukan serpihan tulang, keadaan tisu sekeliling serta bukti klinikal dan radiologi. Sebaliknya, dalam pengetahuan perubatan masyarakat, pengalaman tubuh dan sakit boleh dihuraikan melalui istilah yang lebih dekat dengan pemerhatian serta pengalaman fizikal, seperti patah, lari, tersalah urat, bengkak, panas, angin, keras dan tidak kena tempat. Kategori tersebut merupakan sebahagian daripada cara masyarakat menamakan dan menerangkan pengalaman sakit dan tubuh, tetapi tidak semestinya mempunyai kesepadanan diagnostik satu lawan satu dengan kategori klinikal bioperubatan (Helman, 2007; Kleinman, 1980).

Dalam konteks kajian ini, penggunaan istilah seperti patah dan putung perlu difahami berdasarkan konteks budaya dan amalan rawatan yang dikaitkan dengannya. Makna yang diberikan oleh komuniti tidak semestinya merupakan terjemahan langsung kepada diagnosis klinikal, sebaliknya mencerminkan cara pengalaman kecederaan, susunan anggota dan proses pemulihan difahami serta dikomunikasikan dalam lingkungan sosial tertentu. Pendekatan ini selaras dengan pandangan antropologi perubatan yang menekankan bahawa pengalaman penyakit, penjelasan tentang punca sakit dan proses mendapatkan rawatan dibentuk oleh konteks budaya serta hubungan antara pesakit dan pengamal (Kleinman, 1980; Helman, 2007)Dalam medan makna tersebut, "putung" memberi imej ketakterusan. Sesuatu yang patah kehilangan kesinambungan dan memerlukan keadaan yang kembali stabil. Walaupun kata "sangkal" tidak dapat disahkan secara mudah sebagai "membetulkan" melalui makna Melayu standard, cara komuniti kemudian menghubungkannya dengan tindakan pemulihan menunjukkan proses konseptualisasi. Bahasa dan amalan saling mempengaruhi: nama rawatan memberi kerangka untuk memahami tindakan, sementara tindakan yang berulang menambah makna kepada nama. Inilah sebabnya istilah warisan harus diteliti bersama konteks penggunaannya, bukan melalui kamus sahaja.

Palmer (1996) menyatakan bahawa bahasa berkait rapat dengan imejan budaya yang membantu komuniti membayangkan pengalaman. Sharifian (2017) pula menunjukkan bahawa konseptualisasi budaya dapat tersebar secara tidak seragam dalam sesuatu komuniti; tidak semua anggota perlu memiliki pengetahuan yang sama. Prinsip ini sesuai untuk Sangkal Putung. Pengamal mungkin mempunyai huraian teknikal yang lebih terperinci, bekas pesakit mungkin mengenal istilah melalui pengalaman rawatan, manakala generasi muda mungkin hanya mengetahui bahawa ia berkaitan dengan patah tulang. Perbezaan tahap pengetahuan tidak menjadikan istilah kurang budaya; sebaliknya, ia menunjukkan bagaimana pengetahuan diedarkan.

Pendekatan ini juga membantu mengelakkan pertentangan palsu antara "tradisional" dan "moden". Tujuan menganalisis bahasa tubuh bukan untuk menyatakan bahawa kategori tradisional lebih benar daripada ortopedik atau sebaliknya. Kedua-duanya mempunyai tujuan, kaedah pembuktian dan institusi yang berbeza. Dalam kajian budaya, yang utama ialah memahami bagaimana masyarakat menamakan pengalaman dan bagaimana nama itu membimbing tindakan sosial. Dalam konteks keselamatan kesihatan, istilah tradisional perlu diterangkan dengan jelas supaya pesakit tidak menganggapnya sebagai diagnosis klinikal. Pemahaman silang antara bahasa komuniti dan bahasa kesihatan moden boleh membantu komunikasi tanpa menghapuskan warisan istilah.

Makna, Identiti dan Autoriti Pengamal

Nama sesuatu tradisi turut membentuk autoriti. Apabila seseorang dikenali sebagai pengamal Sangkal Putung, istilah tersebut berfungsi seperti tanda bidang kemahiran. Kepercayaan masyarakat terhadap pengamal tidak dibina oleh kata itu sahaja, tetapi nama memberi kerangka awal untuk menempatkan individu dalam jaringan pengetahuan. Ia membezakan pengamal daripada tukang urut umum, ahli herba atau rawatan lain. Dengan itu, istilah mempunyai fungsi sosial: ia mengatur jangkaan, menghubungkan cerita

kejayaan atau kegagalan, dan menjadi kata kunci apabila pesakit mencari bantuan melalui kenalan keluarga.

Dalam komuniti diaspora, fungsi identiti ini boleh menjadi lebih kuat. Istilah yang mempunyai bunyi Jawa dapat menghubungkan pengamal kepada citra pengetahuan leluhur, walaupun amalan telah berubah. Keaslian di sini tidak harus dinilai sebagai kesamaan sempurna dengan masa lalu. Warisan yang hidup sentiasa mengalami pilihan, penyesuaian dan pembaharuan. Yang penting ialah bagaimana komuniti memberi makna kepada hubungan tersebut. Jandra et al. (2016) dan Hendrokumoro (2023) memperlihatkan bahawa identiti Jawa di Malaysia terbentuk melalui proses integrasi dan akulturasi. Sangkal Putung boleh dibaca dalam kerangka yang sama, sebagai istilah yang mengekalkan jejak asal sambil beroperasi dalam ruang Melayu.

Pada masa yang sama, penggunaan label warisan tidak boleh menjadi alasan untuk mengabaikan aspek keselamatan atau regulasi. Kajian linguistik tidak mengesahkan kompetensi seseorang pengamal. Sebaliknya, dokumentasi istilah yang tepat dapat menyokong komunikasi dasar dengan membezakan antara nama tradisi, skop amalan dan dakwaan terapeutik. Apabila istilah dijelaskan secara baik, institusi budaya dan kesihatan lebih mudah memahami apa yang sebenarnya dirujuk oleh komuniti. Penyelidikan bahasa dengan itu mempunyai implikasi amalanal dalam proses dokumentasi, pendaftaran warisan dan pendidikan awam, walaupun ia tidak membuat penilaian klinikal.

Implikasi terhadap Dokumentasi Warisan Linguistik dan Etnoperubatan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa dokumentasi istilah perubatan tradisional perlu melampaui penyediaan definisi leksikal yang ringkas. Dalam kes Sangkal Putung, dokumentasi yang komprehensif perlu merekodkan bentuk istilah dan variasinya, kawasan penggunaan, komuniti pengguna, makna yang diberikan oleh pengamal, bukti leksikografi sejarah, penggunaan istilah dalam kajian kontemporari serta tahap kepastian berhubung asal-usul atau etimologinya. Pendekatan ini penting kerana istilah perubatan tradisional bukan sahaja berfungsi sebagai unit bahasa, tetapi turut membawa pengetahuan dan konseptualisasi budaya yang dikongsi oleh komuniti tertentu (Sharifian, 2017).

Struktur dokumentasi sedemikian dapat mengelakkan dua bentuk penyederhanaan. Pertama, istilah yang kompleks tidak ditafsirkan semata-mata berdasarkan gabungan makna literal unsur pembentuknya sehingga menghasilkan tafsiran etimologi yang tidak dapat dibuktikan. Kedua, makna yang berkembang dalam penggunaan budaya tidak diketepikan hanya kerana makna tersebut tidak direkodkan dalam kamus bahasa standard. Dalam perspektif antropologi linguistik, bahasa perlu difahami dalam hubungannya dengan konteks sosial dan budaya penggunaannya (Duranti, 1997). Oleh itu, dokumentasi Sangkal Putung perlu membezakan dengan jelas antara makna leksikal, makna budaya yang diberikan oleh komuniti dan fungsi istilah sebagai nama khusus amalan perubatan.

Pendekatan ini juga selaras dengan prinsip bahawa istilah tradisional yang digunakan dalam konteks kesihatan tidak boleh secara automatik disamakan dengan kategori diagnostik bioperubatan. Kleinman (1980) dan Helman (2007) menunjukkan bahawa pengalaman sakit, penjelasan penyakit dan cara tubuh difahami turut dipengaruhi oleh kerangka budaya. Dengan demikian, dokumentasi etnoperubatan yang baik perlu menjelaskan istilah berdasarkan konteks penggunaannya, sambil mengekalkan batas antara

kategori masyarakat dengan kategori klinikal.Perbezaan antara "makna sumber" dan "makna komuniti" sangat penting. Makna sumber ialah erti yang dapat dikesan dalam kamus, korpus atau teks bertarikh. Makna komuniti pula ialah erti yang diberikan oleh pengamal dan pengguna semasa berdasarkan pengalaman serta pengetahuan bersama. Kedua-duanya boleh berbeza tanpa salah satu perlu diketepikan kerana perbezaan tersebut boleh menjadi petunjuk perubahan budaya dan penafsiran semula sesuatu istilah (Palmer, 1996; Sharifian, 2017). Dalam kajian ini, tafsiran pengamal yang mengaitkan "sangkal" dengan tindakan membetulkan kedudukan dianggap sebagai makna komuniti dan disokong oleh data temu bual, manakala makna yang direkodkan dalam kamus diperlakukan sebagai bukti leksikografi. Tugas penyelidik ialah merekodkan perbezaan kedua-dua lapisan tersebut secara terbuka.

Pendekatan dokumentasi ini juga sesuai dengan sifat warisan tidak ketara. Pengetahuan pengubatan bukan hanya objek seperti minyak atau herba, tetapi meliputi kosa kata, urutan tindakan, cerita, petua, pantang, cara mengajar dan cara menilai pengalaman. Bahasa menghubungkan semua unsur tersebut. Jika kosa kata hilang, sebahagian cara masyarakat mengelaskan pengalaman juga berisiko hilang. Oleh itu, rakaman audiovisual, transkripsi temu bual, glosari istilah dan anotasi konteks penggunaan wajar dianggap sebagai sebahagian daripada usaha pemeliharaan, bukan sekadar lampiran penyelidikan.

Bagi konteks Johor, glosari Melayu-Jawa tentang pengubatan boleh dibangunkan secara kolaboratif dengan komuniti. Setiap istilah boleh direkodkan dalam ejaan yang digunakan, sebutan setempat, makna yang diberikan pengamal, contoh ayat, generasi penutur dan hubungannya dengan istilah Melayu standard. Bahan sedemikian berguna bukan hanya untuk penyelidik perubatan tradisional, tetapi juga untuk ahli bahasa, sejarawan migrasi, pengkaji warisan dan pendidik. Ia juga dapat membantu mengelakkan kehilangan istilah apabila generasi yang lebih tua tidak lagi aktif.

Walau bagaimanapun, dokumentasi perlu menjaga etika. Tidak semua pengetahuan mesti diterbitkan secara terbuka, khususnya jika komuniti menganggap sesuatu formula, doa, ramuan atau teknik sebagai pengetahuan terhad. Glosari boleh membezakan maklumat yang bersifat umum dengan pengetahuan yang memerlukan kebenaran khas. Nama individu pula harus dikendalikan mengikut persetujuan penyelidikan. Dengan cara ini, usaha memelihara bahasa tidak bertukar menjadi pengambilan pengetahuan komuniti tanpa kawalan.

Keterbatasan Penafsiran Etimologi dan Keperluan Kajian Lanjutan

Penelusuran ini menunjukkan bahawa persoalan etimologi Sangkal Putung masih terbuka. Bukti yang tersedia membolehkan kesimpulan yang kuat tentang medan makna "putung", tetapi tidak membolehkan satu asal-usul "sangkal" dipilih secara muktamad. Keadaan tersebut bukan kelemahan yang perlu ditutup dengan spekulasi. Dalam filologi dan sejarah bahasa, ketidakpastian ialah sebahagian daripada hasil kajian apabila data tidak lengkap. Dengan menyatakan had, penyelidik dapat membezakan apa yang diketahui, apa yang munasabah dan apa yang masih perlu dibuktikan.

Kajian lanjutan boleh menggunakan tiga jenis data. Pertama, korpus sejarah yang lebih luas perlu dicari untuk menjejaki tarikh awal gabungan "sangkal putung" atau

"sangkalputung" dalam teks Jawa dan Melayu. Kedua, wawancara linguistik dengan pengamal tua dan keluarga mereka dapat mengumpulkan etimologi rakyat, sebutan, variasi istilah dan naratif tentang siapa yang mula menggunakan nama tersebut. Ketiga, perbandingan antara beberapa daerah di Jawa dan Johor dapat menentukan sama ada makna "sangkal" dalam domain rawatan konsisten atau berbeza. Jika variasi sistematik ditemui, ia mungkin memberi petunjuk tentang laluan penyebaran istilah.

Satu lagi arah penting ialah perbandingan dengan istilah rawatan tulang lain di Nusantara. Komuniti yang berbeza mungkin menamakan amalan serupa dengan kata yang menekankan urut, sambung, betul, tulang, patah atau kedudukan. Membandingkan pola penamaan dapat memperlihatkan metafora tubuh yang berulang dan ciri yang khusus kepada sesuatu bahasa. Kajian sedemikian akan menghubungkan etnoperubatan dengan semantik historis dan antropologi linguistik, sekali gus memperluas Pengajian Melayu daripada dokumentasi amalan kepada analisis konsep.

Akhirnya, kajian masa depan perlu membezakan dokumentasi warisan daripada tuntutan perubatan. Mengetahui asal dan makna sesuatu istilah tidak memberi bukti tentang keselamatan atau keberkesanan rawatan. Jika isu klinikal hendak dikaji, reka bentuk perubatan, data hasil rawatan dan penilaian keselamatan diperlukan. Pemisahan disiplin ini penting supaya kajian budaya dapat berdiri dengan kukuh tanpa membuat dakwaan yang tidak disokong oleh metodologinya.

KESIMPULAN

Makalah ini menelusuri makna "sangkal" dan "putung" untuk memahami Sangkal Putung sebagai istilah dalam tradisi perubatan Melayu-Jawa. Dapatan utama menunjukkan bahawa "putung" mempunyai medan makna yang relatif konsisten dengan patah, putus atau ketakterusan, termasuk penggunaan yang berkaitan dengan tulang dalam sumber Jawa. "Sangkal" pula mempunyai sejarah makna yang lebih kompleks. Makna Melayu standard masa kini yang berkaitan dengan bantahan tidak dapat menerangkan domain perubatan secara langsung, sementara sumber Jawa lama menunjukkan polisemi dan penggunaan lain yang membuktikan bahawa bentuk tersebut mempunyai perjalanan semantik yang lebih luas. Justeru, Sangkal Putung lebih tepat difahami sebagai istilah yang telah mengalami pengkhususan dan leksikalisasi dalam komuniti pengubatan.

Sumbangan utama kajian ini terletak pada pemisahan tiga lapisan analisis, iaitu bukti leksikal, tafsiran budaya komuniti dan makna khusus amalan. Pemisahan ini penting kerana hubungan antara bahasa dan budaya tidak hanya melibatkan makna leksikal, tetapi turut mencerminkan cara sesuatu komuniti mengkonseptualisasikan pengalaman dan realiti sosialnya. Sharifian (2017), melalui pendekatan Cultural Linguistics, menegaskan bahawa bahasa berkait rapat dengan konseptualisasi budaya yang terbentuk dan dikongsi dalam sesebuah komuniti, manakala Palmer (1996) menunjukkan bahawa pengalaman tubuh, ruang dan persepsi turut menjadi sebahagian daripada pembentukan imej serta struktur konseptual dalam bahasa.

RUJUKAN

Abdullah, N. S. & Yunos, Y. 2024. Sorotan literatur bersistematik amalan perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Malaysia. *Jurnal Melayu*, Isu Khas Disember 2024, 152–165.

Anak Jelani, J. P. & Noor Muhammad, S. J. 2021. Keistimewaan dan kearifan tempatan masyarakat Melayu menggunakan buah-buahan dalam ilmu perubatan. *Jurnal Melayu*, 20(1), 93–108.

Dewan Bahasa dan Pustaka. t.th. Sangkal. Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM). https://prpm.dbp.gov.my/

Duranti, A. 1997. *Linguistic Anthropology*. Cambridge: Cambridge University Press.

Helman, C. G. 2007. *Culture, Health and Illness*. London: Hodder Arnold.

Hendrokumoro. 2023. Diaspora Jawa di Malaysia: Perspektif budaya dan bahasa. *International Journal of the Malay World and Civilisation,* 11(1), 11–18. https://doi.org/10.17576/jatma-2023-1101-02.

Hidayat, A. D. & Adam, A. 2024. Literature review: Pengobatan Sangkal Putung Adalah pengobatan tradisional yang masih dipercaya dan dilakukan di Pulau Jawa. *Jurnal Kesehatan dan Kedokteran*, 3(3), 19–28. https://doi.org/10.56127/jukeke.v3i3.1644

Horne, E. C. 1974. *Javanese-English Dictionary*. New Haven: Yale University Press.

Jalaluddin, N. H., Saari, K. A., Radzi, H. & Mohamed Sultan, F. M. 2020. Migrasi dan lanskap baharu dialek di Johor. *Akademika*, 90(3), 147–161. https://doi.org/10.17576/akad-2020-9003-12.

Jandra, M., Djamil, A. S., Salamon, H., Ansyory, A. & Zein, M. D. 2016. Identity and culture change of Javanese in Johor. *UMRAN – Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 3(3-1). https://doi.org/10.11113/umran2016.3n3-1.140.

Kleinman, A. 1980. *Patients and Healers in the Context of Culture*. Berkeley: University of California Press.

Mat Piah, H. 2015. Ilmu perubatan Melayu tradisional dari naskhah-naskhah lama. *International Journal of the Malay World and Civilisation,* 3(3), 3–17. https://doi.org/10.17576/IMAN-2015-0303-01.

Mohd Riji, H. 2000. *Prinsip dan Amalan dalam Perubatan Melayu.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Osman, M. T. 1989. *Malay Folk Beliefs: An Integration of Disparate Elements*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Palmer, G. B. 1996. *Toward a Theory of Cultural Linguistics*. Austin: University of Texas Press.

Poerwadarminta, W. J. S. 1939. *Bausastra Jawa*. Batavia: J. B. Wolters.

Sharifian, F. 2017. Cultural Linguistics: Cultural Conceptualisations and Language.
Amsterdam: John Benjamins. https://doi.org/10.1075/clscc.8.

Sunarti, L. & Fadeli, T. R. 2021. Preserving Javanese identity and cultural heritage in Malaysia. *Cogent Arts & Humanities,* 8(1), 1956068. https://doi.org/10.1080/23311983.2021.19560682021.1956068

Biodata Penulis:

Nurammar Salihin bin Noordin merupakan pelajar Sarjana Falsafah (Pengurusan Persembahan Seni) di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penyelidikannya berfokus kepada perubatan tradisional Melayu-Jawa, etnoperubatan, warisan linguistik, semantik budaya dan pemeliharaan warisan tidak ketara.

Dr. Muammar Ghaddafi Hanafiah merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang penyelidikannya berkaitan pengurusan persembahan seni, kebudayaan, warisan dan kajian masyarakat, dengan penglibatan dalam penyelidikan serta penerbitan akademik dalam bidang berkaitan.